

ibtikar

BULETIN PENYELIDIKAN DAN INOVASI
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

BIL.2 JUN 2014



Integrasi Ilmu
Naqli dan Aqli



Temu Bual Eksklusif
Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan



ISSN 1675-5926



9 7896703 9360600

www.usim.edu.my

Makna “Ibtikar” – Perkataan “ibtikar” atau “ابتكار” ialah berasal daripada perkataan dalam bahasa Arab yang bermaksud inovasi. Inovasi adalah kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan.

Judul buletin ini dipilih dalam bahasa Arab ialah kerana ingin menunjukkan identiti USIM sebagai sebuah institusi yang menekankan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.



SIDANG EDITOR

Penaung

YBhg. Prof. Dato' Dr. Asma Ismail

Penasihat

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mustafa Mohd Hanefah

Ketua Editor

Pn. Hariza Mohd Yusof

Pen. Ketua Editor

En. Mohd Faiz Hamzah

Editor

Pn. Wan Fauriah Wan Samad

Pn. Khairunnajwa Mohd Tahet

Cik Noor Adibah Mohamad

En. Faizudin Ahmad

Susun Atur Huruf

Pn. Nuraznita Abdullah

Konsep & Reka Bentuk

En. Mohd Amirul Mohamad Ghazali

Penyumbang Bahan

- Bahagian Penerbitan
- Institut Pengurusan & Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)
- Institut Pengurusan Harta & Kewangan Islam (IFWMI)
- Institut Penyelidikan & Pengurusan Halal (IHRAM)
- Institut Sains Islam (ISI)
- Pusat Hubungan Industri & Pengkomersilan (PHIP)
- Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP)
- Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asian (ACREDA)

KATA PENGANTAR

Syukur Alhamdulillah, tahun 2014 menampakkan tabir yang baharu dengan semangat yang baharu daripada semua staf. Semua PTJ dan CoE yang berada di bawah naungan Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan & Inovasi (TNC, P&I) mempunyai sasaran kerja yang harus dicapai bagi meningkatkan lagi produktiviti yang disasarkan. Penerbitan buletin kali ini merupakan buletin yang kedua kalinya diterbitkan dengan hasrat ingin berkongsi dengan warga USIM yang lain segala aktiviti dan perkembangan yang berlaku yang membabitkan PTJ dan juga CoE yang berkaitan.

Walaupun USIM "ditinggalkan" oleh mantan Naib Canselor, Prof. Dr. Dato' Asma Ismail, tetapi legasi dan KPI yang telah dibina untuk mencapai *outcome* USIM sudah tertera lagi bersuluh. Sudah menjadi tanggungjawab setiap PTJ untuk meneruskan legasi tersebut bagi meletakkan USIM dalam kedudukan yang disasarkan. Impian dan hasrat untuk meletakkan Universiti sebagai pusat rujukan global sains Islam, dan juga senitiasa di hati rakyat (No. 1 in the hearts of people), dan dalam masa yang sama ia juga mendapat 3R iaitu *Respected* (dihormati), *Referred* (dirujuk) dan *Relevant* (Relevan) akan terus dilaksanakan. Semua ini hanya dapat dicapai melalui kerja keras daripada warga USIM. Segala jasa dan sumbangan yang telah diberikan terus menjadi inspirasi kepada warga USIM untuk terus berkarya dalam pelbagai bidang. Kejayaan dalam pelbagai bidang termasuk penyelidikan dan juga penerbitan akan terus dicapai dan diraih. Legasi beliau akan terus menjadi pembakar semangat.

Tahun 2013, telah membawa pelbagai dimensi dan peristiwa pahit manis untuk dikenang. Segala pencapaian yang telah diraih, impaknya ialah sebagai motivasi untuk terus bergerak dengan cemerlang lagi pada tahun 2014 dengan cara yang jaya dan "bergaya" pada tahun ini. Lipatan yang berlalu pada tahun 2013 akan tetap terlakar dan menjadi sejarah, tetapi 2014, menanti dengan lembaran baharu untuk terus dilakar dengan lakaran yang jitu.

Sekali lagi penerbitan buletin "Ibtikar" mendapat kerjasama semua pihak yang menyumbang bahan untuk dijadikan rencah berita dan santapan minda. Sekali lagi juga pihak editor berkerjasama dalam menghasilkan nilai bahan dan berita yang menarik. Malah pihak grafik tidak pernah kering idea untuk menghasilkan nukilan paparan yang menarik untuk ditelaah bersama.

Diharapkan penerbitan buletin ini diteruskan dan menjadi usaha untuk menobatkan segala berita ini agar dapat sekurang-kurangnya diketahui dan menjadi dorongan untuk melakar kejayaan-kejayaan yang lebih cemerlang pada masa hadapan. Saya percaya, penerbitan buletin ini akan terus menyemarakkan lagi legasi penerbitan berita semasa di kampus ini.

Saya percaya penerbitan buletin ini akan terus memberi inspirasi serta galakan kepada semua staf lain untuk sama-sama berganding bahu bagi melakar kejayaan yang lebih mantap untuk USIM. Selamat membaca.

Salam hormat;
Hariza Mohd Yusof
Ketua Editor



INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI

Oleh: Dr. Mohamad Nasrin bin Mohamad Nasir
Timbalan Pengarah, Institut Sains Islam

Semuanya bermula dengan persoalan. Tiada teori yang terhasil tanpa persoalan yang menyumbang ke arah pembentukannya. Tiada falsafah yang terbentuk tanpa terlebih dahulu adanya persoalan yang telah dijawab yang kemudiannya membentuk sesuatu teori atau falsafah.

Persoalan adalah *driver* bagi setiap cabang ilmu. Mengapa ini? Mengapa itu? Menjawab persoalan itu akan membolehkan kita membentuk pemikiran yang sempurna. Oleh itu persoalan yang baik adalah amat penting ditanya.

Apakah itu integrasi? Integrasi berasal daripada perkataan Inggeris *integration*. Selalunya digunakan dalam konteks politik dan sosial. Amat jarang digunakan dalam konteks ilmu sebagaimana yang hendak digunakan sekarang. Erti perkataan *integration* menurut kamus adalah:

“it is a process of combining or accumulating that makes one thing out of two or more things.” [Oxford dictionary]

Kalau diterjemahkan:

“Ia adalah suatu proses yang menggabungkan atau mengumpulkan hingga menghasilkan satu benda daripada dua atau lebih benda.”

Definisinya lagi:

“Integration, in the most general sense, may be any bringing together and uniting of things: the integration of two or more economies, cultures, religions (usually called syncretism), etc.” [Oxford dictionary]

“Integrasi dalam bentuknya yang umum mungkin ialah suatu proses membawa bersama dengan tujuan untuk menyatukan sesuatu: integrasi satu atau lebih ekonomi, budaya, agama (sinkretisme) dan sebagainya”

Kalau kita masukkan dalam konteks ilmu maka ia bererti membawa dua disiplin ilmu bersama atau didekatkan untuk tujuan penyatuan menjadi suatu ilmu yang baharu. Dalam hal USIM kelihatannya integrasi yang hendak dilakukan ialah antara ilmu agama atau ilmu naqli dengan ilmu yang bukan agama yang dianggap aqli.

Mengapa integrasi? Integrasi dirasakan perlu kerana sifat ilmu itu sendiri yang dibentuk oleh suatu kerangka (*framework*) yang mendokongnya. Kerangka inilah yang mendokong ilmu dari segi perkembangan dan mengatakan sesuatu itu adalah sebahagian daripada ilmu itu ataupun tidak. Dalam hal penyelidikan kerangka ini jugalah yang menjana persoalan-persoalan yang perlu untuk ilmu itu berkembang.

Kerangka-kerangka itu adalah dicipta oleh manusia maka disebabkan kebanyakan ilmu itu ditampung oleh kerangka yang dicipta oleh manusia yang tidak semestinya mahu kepada agama, maka ilmu yang bersifat aqli itu dirasakan perlu disatukan dengan kerangka ilmu yang berpaksikan kepada ilmu agama.

Dalam erti kata lain, ilmu aqli itu tidak mempunyai kerangka yang berpaksikan kepada ajaran agama maka ia memerlukan kepada kerangka yang berpaksikan ajaran agama iaitu ilmu naqli. Dalam bahasa mudah, ilmu aqli itu memerlukan tunjuk ajar daripada al-Quran dan Sunnah.

Namun ini bukan bermakna kita menolak ilmu aqli tersebut malah proses ini boleh dikatakan adalah proses yang menggabungkan yang naqli dengan yang aqli agar menjadi suatu kombinasi yang mantap dan menyeluruh.

Kerangka yang mendokong ilmu aqli itu selalunya dibentuk oleh suatu falsafah atau kefahaman yang tidak Islami atau tidak berpaksikan agama yang sebenar. Berlakulah proses sekularisme pada kerangka-kerangka yang mendokong ilmu-ilmu aqli seperti sains, sains sosial dan ilmu kemanusiaan (humanities).

Ini dapat dilihat kepada bagaimana ilmu-ilmu aqli itu disampaikan kepada pelajar yang tiada sentuhan langsung pada ajaran agama atau prinsip-prinsip utama agama seperti ketuhanan, kenabian dan kebenaran al-Quran. Manusia diminta melihat kepada alam hanya untuk tujuan menjana kewangan dan kesenangan duniawi yang tiada kaitan dengan alam sebagai ayat Allah.

Ertinya dalam penyelidikan alam duniawi ini hanya digunakan untuk mendapat kekayaan dan kesenangan hidup manusia di dunia tanpa memikirkan untuk melakukan penyelidikan untuk mendekati diri kepada Allah atau untuk menolong manusia dengan tujuan menolong ummah.

Apabila integrasi ilmu naqli dan aqli berjaya dilakukan ia akan memberikan suatu anjakan paradigma pada pelakunya dimana segala penyelidikan itu dilakukan untuk melihat dan mengkaji ciptaan Allah. Tambahan pula penyelidikan itu dilakukan untuk menolong ummah terutamanya golongan miskin yang rata-ratanya merupakan umat Islam. Penyelidikan di bawah *Niche Research Grant Scheme* (NRGS) yang diketuai oleh Dato' NC adalah salah satu contoh penyelidikan yang bergerak ke arah pengintegrasian ilmu naqli dan aqli.

Integrasi naqli dan aqli juga akan memberikan anjakan pemikiran dan paradigma baharu pada bidang ilmu tersebut sebagai hasil kejayaannya menggabungkan ilmu menjadi suatu ilmu yang baharu. Ilmu yang baharu itu akan mempunyai kerangka yang Islamik hasil daripada gabungan ilmu naqli dan aqli tersebut.


Anjakan pemikiran juga diperlukan bagi menjayakan proses integrasi ini. Sifat kritikal terhadap bidang masing-masing dan juga pembacaan di luar bidang terutamanya yang berkaitan dengan ilmu naqli dan juga aqli diperlukan oleh kesemua pensyarah di USIM.

Penyelidikan-penyelidikan mendalam mengenai kerangka ilmu aqli yang pelbagai perlu dipelopori dan dijalankan dengan giat dan kritikal. Usaha ini akan dapat membantu ke arah pembinaan suatu kerangka yang baharu iaitu yang merupakan hasil bagi proses integrasi naqli dan aqli. Jika ini semua dilakukan sudah pasti USIM akan mempelopori Sains Islam dan membina ilmuwan Islam masa hadapan.

Maka akan lahir apa yang dikatakan sebagai sains Islam iaitu sains (yang mengajarkan) integrasi naqli dan aqli.

TEMU BUAL EKSKLUSIF

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan | Prof. Dr. Nor Aripin Shamaan



Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP) merupakan pusat yang bertanggungjawab dalam menyelia bidang penyelidikan, seminar, pameran penyelidikan dan penerbitan jurnal berimpak tinggi. Ia juga berperanan sebagai pemudah cara kepada para penyelidik USIM bagi mendapatkan geran-geran penyelidikan sama ada daripada pihak kementerian, universiti mahupun daripada pihak swasta. Ikuti temu bual eksklusif Sidang Editorial Buletin P&I, En. Mohd Faiz Hamzah dan En. Faizudin Ahmad bersama Pengarah PPP, Prof. Dr. Nor Aripin Shamaan.

1. Bolehkan Prof. terangkan apakah integrasi ilmu naqli dan aqli dalam aspek penyelidikan di USIM?

Integrasi ilmu naqli dan aqli dalam konteks penyelidikan bermaksud setiap ayat-ayat di dalam al-Quran dan hadis dikaji menerusi penemuan saintifik oleh penyelidik-penyelidik. Integrasi ilmu naqli dan aqli telah tertera pada visi dan misi USIM di mana sejak penubuhan KUIM pada tahun 2000, bilangan penyelidikan di KUIM adalah sangat rendah dan permulaan penyelidikan pula bermula pada 2008 untuk geran penyelidikan dalaman. Geran Jangka Pendek dan Geran Greenshoot mula diperkenalkan pada tahun 2011 untuk membudayakan penyelidikan bagi pensyarah-pensyarah muda USIM. Mengikut rekod di PPP, penyelidikan pertama adalah daripada Geran *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS). Trend penyelidikan di USIM adalah masih dalam peringkat pembudayaan berikutan USIM masih kekurangan pensyarah berkelayakan PhD jika dibandingkan dengan Universiti Penyelidikan (RU) di Malaysia.

2. Apakah bidang penyelidikan di USIM yang mempunyai integrasi ilmu naqli dan aqli?

Pada awalnya, penyelidikan adalah tertumpu kepada penyelidikan konvensional yang bersifat aqli sahaja. Walau bagaimanapun, pada tahun 2009, bidang penyelidikan USIM telah mempunyai ciri-ciri integrasi ilmu naqli dan aqli iaitu bidang penyelidikan dalam perbankan Islam yang dijalankan oleh Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM). Perjuangan Integrasi ilmu naqli dan aqli dikuatkan lagi dengan kedatangan Naib Canselor Wanita USIM pertama, Prof. Dato' Dr. Asma Ismail yang memfokuskan bidang penyelidikan Sains Islam yang berintegrasikan ilmu naqli dan aqli. Di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah


(FPQS) telah menawarkan program pengajian Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian yang mempunyai integrasi ilmu naqli dan aqli. Penglibatan kakitangan akademik dalam konsep integrasi ini diharapkan dapat dijalankan oleh semua penyelidik di USIM menerusi beberapa siri bengkel kesedaran.

3. Apakah penerimaan kakitangan akademik di USIM apabila konsep integrasi ilmu naqli dan aqli digalakkan dalam bidang penyelidikan?

Sejajar dengan visi dan misi USIM, semua kakitangan akademik USIM telah diterapkan dengan konsep integrasi ilmu naqli dan aqli menerusi pengajian, pentadbiran mahupun bidang penyelidikan. Di USIM, kebanyakan ahli penyelidik adalah daripada bidang sains dan pengajian Islam. Penyelidikan sains lebih kepada penyelidikan konvensional. Penyelidik di USIM menerima dengan hati terbuka dan terdapat penyelidik yang mula aktif bergabung dengan penyelidik pelbagai bidang sama ada bidang sains mahupun pengajian Islam. Berdasarkan permohonan rancangan penyelidikan di USIM, pihak PPP mendapati permohonan daripada FPQS semakin meningkat serta terdapat peningkatan permohonan yang bersifat integrasi ilmu naqli dan aqli daripada penyelidik USIM.

4. Apakah itu NRGs, dan apakah impak penyelidikan tersebut kepada USIM dan masyarakat?

NRGS merupakan singkatan bagi nama Skim Geran Penyelidikan Niche iaitu dana khas yang bertujuan untuk membantu melonjakkan dan membangunkan bidang tujahan (*Niche*) penyelidikan bagi setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bersatu Universiti Komprehensif dan Universiti Komprehensif Berfokus. USIM telah berjaya memperolehi dana berjumlah RM 5 juta bagi tempoh 5 tahun dengan tajuk "*Fundamental Approaches Towards Usage and Mechanisms of Prophetic Food in Preserving Health*". Penyelidikan ini diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Asma Ismail, Naib Canselor USIM dan dianggotai oleh lebih daripada 51 orang penyelidik daripada kesemua fakulti iaitu Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) serta Institut Sains Islam (ISI). Penyelidikan ini merupakan bidang Niche USIM iaitu sains Islam di mana konsep naqli dan aqli diintegrasikan dalam penyelidikan ini. Penyelidikan ini mempunyai 11 tajuk penyelidikan yang diketuai oleh penyelidik-penyelidik pelbagai bidang di USIM di mana penyelidikan ini lebih tertumpu kepada kajian pemakanan sunnah susu kambing dan kurma terhadap kesihatan.





5. Apakah perancangan PPP untuk menggalakkan dan meningkatkan penyelidikan di USIM yang bersifat naqli dan aqli?

Bagi menggalakkan dan meningkatkan penyelidikan berkonsepkan naqli dan aqli, pihak PPP telah mula mengadakan lawatan ke fakulti-fakulti menerusi Mesyuarat Jabatan Fakulti untuk memberi pendedahan berkaitan dengan geran-geran penyelidikan, mengadakan taklimat geran, mengadakan bengkel penulisan cadangan penyelidikan (*proposal*) serta mengadakan pameran penyelidikan di peringkat Universiti mahupun menggalakkan penyertaan penyelidik USIM menyertai pameran-pameran peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Diharapkan dengan adanya usaha-usaha ini, penyelidik USIM akan semakin bertambah khususnya mengenai sesuatu kajian.


Akhir sekali kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. kerana sudi meluangkan masa bersama kami untuk sesi temu bual ini. Diharapkan bidang penyelidikan dapat terus berkembang di USIM ini menerusi sokongan yang padu daripada pihak pengurusan universiti melalui PPP khususnya. Terima kasih.

PPP

Oleh: Wan Fauriah Wan Samad




AREAS OF RESEARCH STRENGTHS @ USIM



Pada tahun 2014, pihak Pengurusan Universiti telah menguar-uarkan bidang penyelidikan di atas sebagai *AREAS OF RESEARCH STRENGTHS @ USIM*. Asas rujukan bidang yang disenaraikan adalah susulan daripada tajuk-tajuk projek penyelidikan di bawah geran NRGs (*Niche Research Grant Scheme*) yang telah diluluskan oleh pihak JPT, dengan nilai dana sebanyak RM5 juta bagi tempoh 5 tahun. Di bawah projek ini, USIM telah diberi kepercayaan untuk menguruskan geran penyelidikan di bawah *niche* "Sains Islam" dengan tajuk program "*Fundamental Approach Towards Usage And Mechanisms Of Prophetic Foods In Preserving Health*".

PENCAPAIAN GERAN PENYELIDIKAN TAHUN 2012 HINGGA 2014 (SEHINGGA APRIL 2014)




Merujuk kepada jadual tersebut, kumulatif capaian dana bagi geran penyelidikan sehingga April 2014 adalah sebanyak **RM26,686,163.00**. Oleh itu, pada tahun ini RMC mensasarkan capaian geran lebih tinggi dengan sasaran sebanyak RM16 juta. Berikutan dengan itu, RMC telah merangka beberapa strategi (*action plan*) ke arah menghasilkan kumpulan penyelidik dan penyelidikan yang diiktiraf sebagaimana berikut:


Meningkatkan bilangan penyelidik utama (PI) dalam kalangan staf akademik
Meningkatkan bilangan geran penyelidikan yang diterima oleh penyelidik USIM
Memperkasakan keutuhan panel penilai
Menjadikan CoE dan institut sebagai pusat penyelidikan kluster
Meningkatkan bilangan penerbitan dalam jurnal
Meningkatkan penerbitan buku ilmiah
Meningkatkan bilangan pelajar siswazah (Master/ PhD) yang berdaftar dalam mode penyelidikan
Menyediakan fasiliti penyelidikan yang kondusif
Meningkatkan jaringan dan libatsama penyelidikan
Penyertaan dalam Pameran Penyelidikan
Harta intelek yang dituntut
Pemindahan Teknologi
Meningkat rating MyRA

DATA PENERBITAN JURNAL TAHUN 2014

USIM Publication in Indexed journals: 2013 and Jan-May 2014



No. of articles in ISI journals (Web of Knowledge) 2013 and Jan-May 2014



Pada tahun ini USIM menetapkan *ratio* penerbitan di dalam jurnal yang berindeks adalah sebanyak 0.50 dan sehingga April 2014, sebanyak 0.10 (53/410 kakitangan akademik aktif) telah dicapai dengan pecahan berikut :

ISI	SCOPUS	ERA
16	36	1
53		

PENCAPAIAN ANUGERAH PENYELIDIKAN DAN INOVASI (JAN-MEI 2014)

Strategi yang jelas dalam pencapaian anugerah telah dinyatakan dalam Pelan Strategik R&I USIM, iaitu meningkatkan pencapaian penyelidik di pameran/pertandingan penyelidikan di dalam dan

luar negara dengan sasaran 5 Emas, 5 Perak dan 5 Gangsa bagi pameran inovasi yang diiktiraf oleh MyRA.


Sepanjang tahun 2014 (Jan – Mei), USIM telah berjaya memenangi beberapa anugerah dan hadiah di pameran dan pertandingan berkaitan inovasi seperti di International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) 2014, International Engineering Invention & Innovation Exhibition (i-ENVEX) 2014, Business Social Innovation for Poverty Eradication @ MyHE dan Malaysia International Robot Competition (MIROC).

Pada ITEX 2014, USIM telah berjaya membawa pulang tiga pingat emas dan satu pingat perak. Keterangan mengenai produk-produk yang dimenangi di ITEX 2014 ini adalah seperti berikut:

NO.	PRODUCT	CATEGORY	ABSTRACT	INVENTOR	MEDAL
1.	ITAG V1.0	ICT & MULTIMEDIA	Social Networking Sites have become a global experiences. People are able to publish multimedia content about themselves, their interests and concerns. With intensive information been shared, privacy concern are rising up. By defaults, social network claim intellectual property rights on materials upload to their platform where majority of users not aware of this. iTAG however, create the default setting to protect users privacy and let the users determine who to share with and decide who to expose sensitive information. A user oriented privacy model was implemented to demonstrate the concept.	PROF. MADYA DR. NORITA MD. NAWAWI	GOLD
2.	eZCERT	ICT & MULTIMEDIA	eZCERT is a comprehensive and an efficient malwares incident handling software. It is a repository & a reservoir for malwares incident handling. The uniqueness of this software is based on the integration of the apoptosis, incident response, security metrics & knowledge discovery database.	DR. MADIJAH MOHD. SAUDI	GOLD
3.	NOVEL NARROW PORE ACTIVE-ULTRAFILTRATION (NPA-UF) MEMBRANES	BIOTECHNOLOGY, HEALTH & FITNESS	Novel narrow-pores active ultrafiltration (NPA-UF) membrane was successfully developed using molecularly dry/wet phase inversion process. Formulated from a multi-component system, the NPA-UF membranes produced an even, smooth and ultrathin characteristics with excellent membranes performance and structures.. The addition of active agents (AA) in membrane formulation demonstrated of significantly active improvement of protein flux and separation trends. Experimental data on protein permeation resulted an increasing of protein flux up to 300Lm ⁻² h ⁻¹ and a high selective protein rejection of 95% compared to the polymeric UF membranes with only 80% at the same conditions. Modeling data revealed that the NPA-UF membranes are 73% more porous having finer pore characteristics with diameter ranging from 1.50nm to 1.98nm and pores density and active surface charge of NPA-UF membranes were 370 pores/μm ² and -2.3ξ, respectively.	DR. ABDUL RAHMAN HASSAN	GOLD

4	iLegacy	ICT & MULTIMEDIA	iLegacy is a record management service, helping everyone to manage secrets. iLegacy offers a solution to this problem by allowing us to declare our secrets. Once we die, the system allows the trustees we have appointed to unlock the records and view the secrets. Any attempts to unlock and read the secrets while we are still alive, the system will notify us and we may deny access of the secret to the trustee. In the event of a breach of trust, we have the option to revoke the privilege given to the trustees. If the account holder is a Muslim, a suggested faraid distribution on assets for the respective beneficiaries will be given to the trustee(s). For a non-Muslim, the system is available without the faraid calculation option.	DR. FADZLI MARHUSIN	SILVER
---	---------	------------------	--	---------------------	--------

International Engineering Invention & Innovation Exhibition (i-ENVEX) 2014 yang telah diadakan pada 11-13 April 2014



Projek penyelidikan di bawah bimbingan Dr. Abdul Rahman Hassan, FST



Business Social Innovation for Poverty Eradication @ MyHE pada 5-12 April 2014, UNIMAP, Perlis

Naib Johan, Wang Tunai RM2,000.00
Piala & Sijil Penghargaan

USIM telah menghantar sebanyak 2 kumpulan pelajar seramai 10 orang yang terdiri daripada gabungan pelajar FST dan FEM

MIROC 2014, 13 April, UNIMAP

Naib Johan (kategori *Conquer Robot*)
Wang Tunai RM 3,000.00
Piala & Sijil Penghargaan

Kumpulan pelajar daripada Program Fizik Gunaan dari Kejuruteraan Elektronik di bawah bimbingan Prof. Ir. Dr. Ahmad Faizal Mohd Zain, Pensyarah Kanan Program Kejuruteraan Elektronik FST, USIM



USIM-BIONAS JALIN KERJASAMA BANGUNKAN PUSAT KECEMERLANGAN BERASASKAN TEKNOLOGI NANO-EMULSI DAN POLARISASI



Nilai, 28 Jan 2014 - USIM melangkah setapak lagi dalam usaha menjadi universiti terkehadapan bagi memartabatkan Sains Islam ke peringkat global melalui hubungan kerjasama dengan Bionas Agropolitan Technology Corridor (BATC) Development Bhd. BATC merupakan salah sebuah syarikat terbesar dunia dalam industri minyak bio yang berpangkalan di California, Amerika Syarikat.

Kerjasama ini dimeterai melalui Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara USIM dan BATC bagi penubuhan Pusat Kecemerlangan Industri Teknologi Nano-Emulsi dan Polarisasi di USIM. Pusat Kecemerlangan ini adalah yang pertama di dunia berteraskan kepada pemindahan teknologi dan pembangunan modal insan bagi membolehkan Malaysia mempunyai keupayaan untuk mengeksploitasi teknologi-teknologi baharu dan inovatif.

Kerjasama ini menjadikan USIM sebagai rakan kongsi strategik kepada BATC Development Bhd, dan sebagai tempat latihan yang akan turut menyumbang ke arah pemindahan

Teknologi Nano-Emulsi dan Teknologi Polarisasi serta melatih ahli-ahli fakulti terpilih sebagai perintis kepada teknologi tersebut.


“Dalam usaha mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli, USIM akan meneroka sumber-sumber semula jadi yang terdapat di Malaysia dan kawasan sekitarnya yang mungkin menjadi bahan alternatif kepada *Jatropha Curcas* bagi menghasilkan bahan api tambahan dengan menggunakan teknologi ini,” ucap Prof. Dato’ Dr. Asma Ismail.





BATC Development Berhad dengan tanda dagangan “BIONAS” minyak bio berasaskan sejenis tanaman, *Jatropha Curcas* dengan cawangan operasi dan pemasaran di 40 buah negara. Kesemua lapan jenis produk bio bagi *diesel*, *petrol*, *heavyfuel*, *jetfuel* dan *lubricant* telah diluluskan oleh badan dan agensi yang berwajib termasuk *SGS*, *INTERTEK* dan *United States Environmental Protection Agency (U.S EPA)* dengan penjimatan sehingga 30% bagi penggunaan minyak fosil dan pengurangan pelepasan karbon sehingga 97%.

Teknologi Nano-Emulsi dan Polarisasi yang dibangunkan oleh BIONAS menyebabkan berlakunya revolusi dalam sektor tenaga ke arah penyelesaian isu perubahan iklim yang lebih jitu dan mampan. Teknologi ini juga membolehkan pelbagai jenis tanaman digunakan sebagai bahan mentah bagi menghasilkan minyak bio dan telah menurunkan kos pengeluarannya sehingga 60%. Minyak bio ditawarkan dengan harga yang sama atau lebih rendah dari harga pasaran dunia minyak fosil.



BENKEL R,D & C – USIM KE ARAH PENGKOMERSIALAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN




Nilai, 29 Januari 2014 – Bagi meningkatkan kefahaman ahli akademik USIM berkaitan dengan pengkomersialan penyelidikan dan pembangunan (Research and Development), Pusat Hubungan Industri dan Pengkomersialan (PHIP) telah menganjurkan Bengkel Pengkomersialan R&D dengan tema USIM Ke Arah Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan. Bengkel ini telah diadakan di Dewan Kuliah Utama (DKU), FPQS yang dihadiri oleh ahli akademik serta kakitangan pentadbiran USIM.

Bengkel selama tiga jam ini diisi dengan perkongsian pengalaman oleh Prof. Dato' Dr. Asma Ismail, Naib Canselor USIM mengenai kejayaan beliau menghasilkan kit ujian segera diagnostik untuk kepala yang diberi nama TYPHIDOT. Kit ini telah menjana jualan, penerbitan, dan telah mewujudkan lebih daripada 500 peluang pekerjaan di serata dunia di samping menyokong industri tempatan Malaysia.

Pihak USIM turut berharap agar bengkel sebegini dapat diteruskan lagi bagi membudayakan pengkomersialan penyelidikan dalam kalangan ahli akademik. Diharapkan dengan terlaksananya bengkel ini, ahli akademik dapat menghasilkan produk penyelidikan yang berimpak tinggi serta mampu memberi manfaat kepada manusia sejagat. Bengkel ini ditamatkan pada jam 1.00 tengah hari dengan sesi penyampaian cenderamata oleh Pengarah PHIP kepada Naib Canselor.







MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU)

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

DINNER HALAL MEAT PRODUCTION MARKETING TRAINING

SAMA SAMA HOTEL 29 JANUARY 2014

DIYAT

DIYAT

PELAKSIAN WANG ZAKAT

EBK 3253

EBK 3253

EBK 3253

EBK 3253

EBK 3253

EBK 3253

EBK 3253

EBK 3253

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية Malaysia

ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

BAHAGIAN PENERBITAN

Oleh: Hariza Mohd Yusof

LAWATAN PENERBIT USIM KE PENERBIT KUPU SB & PUSAT PENGAJIAN LEPAS IJAZAH & PENYELIDIKAN (PPLIP) UNISSA



Brunei Darussalam, 3-4 Mac 2014 - Penerbit USIM dengan diketuai oleh Pn. Hariza Mohd Yusof telah mengadakan lawatan muhibah ke Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan juga ke Pusat Pengajian Lepas Ijazah & Penyelidikan (PPLIP) UNISSA. Lawatan ini turut disertai oleh En. Khalid Mazlan, Timbalan Pengarah Penerbitan UTM dan juga En. Mohd Nadzir Abd. Manaf, Penolong Pegawai Penerbitan di Penerbit USIM.

Lawatan ini diadakan sempena penyertaan Penerbit USIM di Pesta Buku Brunei (PBB 2014). Ketika di KUPU SB, Pn. Hajah Tiara binti Haji Basman, Ketua Penerbitan mengetuai sesi perbincangan dua hala untuk melihat peluang kerjasama penerbitan antara dua buah negara

amnya dan bagi Penerbit USIM dan KUPU SB sendiri khasnya. Perbincangan yang berlangsung selama tiga jam turut dihadiri oleh Pn. Dayangku Zainya binti Pengiran Haji Tuah, Ketua Editor Buletin, Pn. Dayang Waiduri binti Haji Moha Ali, Ketua Editor Buku Terbitan dan juga Pn. Julia binti Radin, yang merupakan Penerbit di KUPU SB.

Dalam pada itu, lawatan juga diadakan ke UNISSA dengan tujuan yang sama. Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Pengarah PPLIP berharap agar ada projek penerbitan yang boleh dijalankan secara bersama antara kedua-dua belah pihak. Lawatan singkat ini mampu membuka ruang untuk melihat kerjasama yang boleh diadakan dalam projek-projek penerbitan khas yang boleh memberikan faedah bersama. Malah pihak Pusat Penerbit KUPU SB dan PPLIP percaya kekuatan penerbitan yang ada di Penerbit USIM boleh dijadikan model untuk mereka membentuk dasar dan cara penerbitan agar lebih mantap pada masa hadapan. Dalam masa yang sama juga pihak KUPU SB berhasrat untuk menghantar staf Pusat Penerbitan di Penerbit USIM untuk membuat program sangkutan selama 10 hari bagi melihat secara dekat teori dan praktis yang diadakan di sana.



PESTA BUKU KUALA LUMPUR 2014 (PBAKL 14) BERSAMA PENERBIT USIM



Kuala Lumpur, 4 Mei 2014 - Penerbit USIM telah berkampung di PWTC untuk menyertai Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) yang menjadi acara tahunan. Pesta buku kali ke-33 ini merupakan acara tahunan yang berprestij kerana dianjurkan secara bersama oleh Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) dengan sokongan dan kerjasama penuh Majlis Industri Buku Malaysia yang mewakili gabungan penggiat industri buku di negara ini.

Tema PBAKL 2014 pada tahun ini ialah "Buku Menjana Kepintaran Kreatif" yang membawa maksud industri penerbitan bukan sekadar mencari untung tetapi untuk menjana pemikiran pelapis bangsa yang menjadi penentu kepada masa depan negara. Gerai Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia yang menempatkan Penerbit USIM terus mendapat sambutan dalam kalangan pencinta buku ilmiah selepas mencatat peningkatan jualan sebanyak 13.5 peratus daripada tahun lepas.

Penerbit USIM telah menjual sebanyak 2,195 naskah buku. Terdapat 200 tajuk dipamerkan sempena PBAKL 2014. Buku "Agama-agama di Dunia" dan "Teori Kaunseling dan Psikoterapi Edisi Keempat" merupakan tajuk buku yang terlaris.

PBAKL ialah acara buku paling ulung. Ia ibarat "hari raya" bagi ulat buku. Di sini merupakan medan pertemuan pelbagai genre buku untuk pelbagai lapisan masyarakat yang dahagakan ilmu. PBAKL akan terus menjadi pentas kepada Penerbit USIM untuk terus mempromosikan buku-buku USIM secara besar-besaran.



INFAD

Oleh: Razman Ibrahim

MUZAKARAH ZAKAT INFAD PERINGKAT KEBANGSAAN



Nilai, 11 Disember 2013 - Persatuan Kakitangan Akademik, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) telah menganjurkan Muzakarah Zakat Peringkat Kebangsaan Siri 1/2013. Muzakarah yang bertemakan "Kedudukan ar-Riqab sebagai Penerima Zakat dalam Konteks Pada Masa Kini" ini diadakan di Dewan Kuliah Pusat 3, USIM. Ia dihadiri seramai 300 orang jemputan yang terdiri daripada para mufti, individu, jabatan kerajaan seperti JAKIM, JAWHAR serta institusi yang terlibat secara langsung dalam pengurusan zakat dan yang berkaitan di Malaysia termasuk ahli akademik serta pelajar institusi pengajian tinggi.

Sebanyak lima kertas kerja telah dibentangkan berkaitan sejarah pensyariaan serta kedudukan *riqab* sebagai penerima zakat dalam Islam. Muzakarah turut menampilkan Mufti negeri sebagai pembentang yang membincangkan peruntukan fatwa serta pengurusan harta *riqab* di Malaysia khususnya di negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Terengganu. Kemuncak muzakarah diakhiri dengan sesi khas bersama Syeikh Muhammad Nuruddin Marbu Al-Banjary Al-Makiyy.

KUNJUNG HORMAT INFAD KE BAHAGIAN PENGURUSAN FATWA JAKIM

Putrajaya, 7 Januari 2014 - Sebagai sebuah institut penyelidikan dan pengurusan maklumat berkaitan fatwa, INFAD, USIM merancang untuk memperkukuhkan hubungan dan mengerat kerjasama dengan agensi/institusi tempatan dan antarabangsa khususnya dalam bidang berkaitan penyelidikan dan pengurusan fatwa. Langkah awal bagi merealisasikan hasrat ini, INFAD telah mengadakan Lawatan Ilmiah ke Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan mengadakan perbincangan berkenaan kerjasama yang boleh dijalankan antara kedua-dua pihak khususnya berkaitan penyelidikan fatwa. Delegasi ini diketuai oleh Pengarah INFAD yang baru iaitu Dr. Irwan Mohd Subri.



PEMINDAHAN KOLEKSI FATWA DAN BUKU INFAD KE PERPUSTAKAAN USIM

Nilai, 5 Mac 2014 – Antara kelebihan dan daya tarikan masyarakat khususnya mahasiswa USIM, pensyarah serta penyelidik untuk berkunjung ke INFAD ialah kerana terdapatnya pusat sumber yang menempatkan pelbagai koleksi fatwa dan hukum dari seluruh dunia. Perkhidmatan pusat sumber ini memberi banyak kemudahan kepada mereka untuk mendapatkan maklumat serta membuat rujukan dan penyelidikan berkaitan fatwa dan sebagainya.

Bagi memperkemas perkhidmatan serta mengelakkan permasalahan dalam pengurusan pusat sumber berkenaan, Mesyuarat Jawatankuasa Audit Universiti telah memutuskan supaya INFAD memindahkan semua koleksi berkenaan ke Perpustakaan USIM. Bermula 3 Mac 2014, operasi pemindahan sedang dilaksanakan secara berperingkat. Koleksi fatwa dan hukum ini akan ditempatkan di satu ruang khas yang dinamakan Koleksi INFAD. INFAD berharap pemindahan ini memberi lebih banyak kemudahan dan peluang kepada semua pengguna untuk membuat rujukan.

DATA PENYELIDIKAN INFAD TAHUN 2013

1	FRGS/1/2013/SSI03/USIM/01/1 : Model Baru Negara Islam Dalam Konteks Masyarakat Majmuk Di Malaysia Ketua Projek: Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa
2	FRGS/1/2013/SSI03/USIM/01/2 : Pembinaan Model Prinsip Maqasid Syariah Dalam Rawatan Perubatan Moden Kes Kritikal Ketua Projek: Dr. Ahmad Wifaq Mokhtar
3	FRGS/1/2013/SSI03/USIM/01/3 : Garis Panduan dan Piawai Pengeluaran Fatwa Di Malaysia Ketua Projek: Dr. Ahmad Zaki Salleh
4	Andalusia : Penyelidikan Garis Panduan Permasalahan Haid Wanita Jemaah Haji dan Umrah di Tanah Suci Mekah: Kajian Penyelesaian Hukum Penyelidik: En. Lukmanulhakim Hj. Hanafi, FSU

DATA PENYELIDIKAN INFAD TAHUN 2014 (SEHINGGA 27 FEBRUARI 2014)


1	Pengarah INFAD. Tajuk: <i>Kajian Persilatan TAPEDIRI 65</i> . 2013. Jabatan Mufti Negeri Sembilan. RM30,000.00
2	Pengarah INFAD. Tajuk: <i>Penggunaan Anggota Haiwan: Kajian Fiqh dan Aplikasinya Dalam Indsutri Halal Di Malaysia</i> . USIM (RM86,227.00)

JUMLAH GERAN (RM)



	Jabatan Mufti Negeri Sembilan	USIM
Jumlah (RM)	30,000.00	86,227.00

JUMLAH GERAN (RM)




	FRGS 1	FRGS 2	FRGS 3	Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd.
Jumlah (RM)	60,000.00	80,000.00	50,000.00	88,700.00

ACREDA

Oleh: Khairunnisa Ismail

PROGRAM PENGANTARABANGSAAN SERTA LAWATAN AKADEMIK DAN TEKNIKAL KE MELBOURNE, AUSTRALIA



Melbourne, 7 Januari 2014 - Pihak Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) bersama pelajar Program Fleksi Diploma Siswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah dan Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah) SPADA sesi 2012/2013 telah mengadakan program pengantarabangsa serta lawatan akademik dan teknikal ke Melbourne, Australia. Program yang telah berlangsung selama enam hari tersebut telah berjaya memberi pendedahan dan kefahaman mengenai modaliti rawatan dan pemulihan penagihan dadah yang digunakan di pusat-pusat pemulihan di Melbourne.

Lawatan ini merupakan satu inisiatif pihak ACREDA dalam memberi peluang kepada siswazah untuk membuat kajian dan perbandingan modaliti rawatan dan pemulihan penagihan dadah di negara luar. Selain itu, lawatan ini memberi pendedahan kepada siswazah tentang isu penyalahgunaan dadah serta memahami usaha negara luar bagi membantu dalam memberi rawatan dan pemulihan penyalahgunaan dadah. Program ini telah disertai oleh 32 orang pelajar Program Fleksi SPADA dan diiringi oleh Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani, Pengarah ACREDA.

Para pelajar telah membuat lawatan ke beberapa pusat yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah di Melbourne seperti Western Region Health Centre, Australia Drug Foundation dan Turning Point Victoria. Sesi pertukaran idea dan percambahan ilmu turut berlangsung sepanjang lawatan bagi memastikan semua pelajar dapat memahami isu dan kaedah pencegahan dadah dan program *harm reduction* yang diaplikasikan oleh kerajaan Australia dalam menangani masalah penagihan dadah dalam kalangan masyarakat.

Program pengantarabangsa ini amat memberi manfaat kepada para pelajar dari segi peningkatan pengetahuan dan pengalaman yang jarang dapat dikongsi. Lawatan ini juga merupakan satu platform untuk memperkasakan ilmu rawatan dan pemulihan dalam penyalahgunaan dadah apabila pelajar telah mula berkhidmat dalam organisasi setelah tamat pengajian kelak. Pihak ACREDA berhasrat untuk menganjurkan lebih banyak program pengantarabangsa pada masa akan datang bagi memberi input serta pengalaman yang bernilai kepada para pelajar di samping melebarkan sayap jaringan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkaitan dengan pendidikan penyalahgunaan dadah.

ACREDA

BENGKEL KAJIAN KES BINCANG ISU PENDIDIKAN PENYALAHGUNAAN DADAH

Nilai, 3 Mac 2014 - Satu bengkel kajian kes pelajar Program Fleksi SPADA sesi 2012/2013 telah diadakan di Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA). Bengkel ini dianjurkan oleh pihak ACREDA bagi menilai sesi latihan klinikal yang telah dijalankan oleh para pelajar selama tujuh minggu bagi melengkapkan 500 jam sesi kaunseling pelajar.



Sepanjang tempoh pengajian, para pelajar Program Fleksi SPADA telah menjalankan latihan amali (*Internship*) sebanyak dua peringkat (*Internship I & II*) bagi melaksanakan peranan sebagai seorang pakar dalam bidang pentadbiran, pencegahan, pemulihan rawatan dan pendidikan dadah. Kajian kes yang diadakan oleh setiap pelajar meliputi lima *setting* iaitu *setting* institusi pendidikan, komuniti organisasi belia, keluarga dan tempat kerja. Bengkel ini telah dinilai oleh 13 orang panel khas yang terdiri daripada pensyarah USIM dan Tenaga Pengajar Sambilan (TPS) yang berperanan sebagai penyelia utama sepanjang latihan amali berlangsung.

Para pelajar telah dibahagikan kepada empat kumpulan dan dinilai oleh tiga orang panel. Bagi tahun 2014, seramai 32 orang pelajar Program Fleksi SPADA 2012/2014 telah melaksanakan latihan amali mulai 13 Januari hingga 28 Februari 2014 dan telah

menamatkan pengajian pada bulan Mac 2014.

Bengkel ini dilihat sebagai satu sesi perkongsian pendapat tentang kaedah rawatan dan pemulihan dalam penyalahgunaan dadah. Bagi manfaat bersama pihak ACREDA mengambil inisiatif untuk berkongsi kajian-kajian kes tersebut di dalam bentuk penerbitan buku yang bertajuk "Kajian Kes: Rawatan dan Pemulihan Dadah Masa Kini" dan akan diterbitkan dalam masa terdekat.

USIM DAN PENGASIH WUJUDKAN KERJASAMA MELALUI MoU

Kuala Lumpur, 28 April 2014 - Satu majlis menandatangani Memorandum Perjanjian Persefahaman (MoU) telah diadakan antara Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) dan telah bekerjasama dengan Persatuan Pengasih Malaysia (PENGASIH) di Dewan Adam, Persatuan Pengasih Malaysia.

Majlis menandatangani MoU ini disempurnakan oleh Prof. Dato' Dr. Asma Ismail, Naib Canselor USIM dan Datuk Mohd Yunus Pathi, Yang Dipertua PENGASIH. Perjanjian persefahaman ini berkuat kuasa selama tempoh satu tahun serta pelbagai aktiviti dan jaringan kerjasama bakal diadakan dalam tempoh masa yang dijanjikan.



Jaringan kerjasama USIM dan PENGASIH bakal menyumbang ke arah penambahbaikan dan pembaharuan kepada kedua belah pihak bagi menggalakkan kerjasama di dalam bidang-bidang yang telah dipersetujui. Melalui usaha sama ini, pihak USIM akan menawarkan latihan dan pendidikan pencegahan yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah. Ia adalah usaha untuk menambahbaik mutu dan keberkesanan program pemulihan bersepadu dalam menyediakan dan memberi perkhidmatan dalam bentuk sokongan kepada semua komuniti PENGASIH.

Paling utama dalam objektif MoU ini adalah pihak ACREDA akan menjalankan penyelidikan bersama pihak PENGASIH bagi menerokai program pemulihan dan rawatan dadah yang boleh diguna pakai sebagai salah satu inisiatif pihak PENGASIH meningkatkan kualiti perkhidmatan yang akan diberikan.

Perjanjian persefahaman ini juga memberi peluang kepada para pelajar USIM untuk melakukan latihan industri (*internship*) di PENGASIH melalui bidang kaunseling dalam penyalahgunaan dadah. Kerjasama ini tidak terhad kepada satu skop peluang sahaja malah ia membawa kepada penganjuran program yang dijalankan secara bersama seperti program rawatan dan pemulihan melalui seminar, kempen media dan program kerohanian malah turut dimuatkan sebarang bidang kerjasama oleh pengajian tinggi yang berpotensi memberi manfaat dan sumbangan kepada masyarakat yang memerlukan bantuan dan sokongan.

Di samping kerjasama yang dimeterai ini, pihak USIM juga telah menyampaikan sumbangan berbentuk barangan keperluan asas kepada pihak PENGASIH sebagai tanda sokongan dan penghargaan terhadap usaha PENGASIH dalam memberi bantuan, rawatan dan pemulihan dalam penyalahgunaan dadah.



IHRAM

Oleh: Najjah Budah @ Uдах

MAJLIS MENANDATANGANI MOA USIM-TPMB-HDC

Nilai, 28 Mac 2014 - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM) menjalinkan hubungan kerjasama dengan Halal Industry Development Corporation (HDC) dan TPM Biotech Sdn. Bhd. (TPMB) melalui Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bagi menjayakan Program Analisis Profesional Halal di bawah skim Program Pemindahan Ilmu (KTP).



Melalui program tersebut, enam buah modul latihan telah dihasilkan dan akan dijalankan selama 14 minggu pada setiap hujung minggu meliputi penyediaan latihan teknikal dan penyelidikan, perkongsian kepakaran serta ujian makmal.

Berdasarkan kepada industri halal yang bersifat kompleks dan holistik, USIM percaya pendekatan ini mampu mewujudkan peluang ekonomi yang luas dengan menggunakan pendekatan bersepadu selaras dengan hasrat dan visi USIM dalam mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli untuk mentransformasi dan menghasilkan nilai kepada negara, ummah dan manusia sejagat.

Selain itu, program turut berperanan menyalurkan pengetahuan halal melalui pelbagai saluran termasuk teori dan praktikal, pandangan daripada sudut syariah serta meningkatkan pengetahuan dalam amalan halal dan pelaksanaan audit.

LAWATAN KERJA DARI HIROSHIMA UNIVERSITY & ANDALAS UNIVERSITY

Nilai, 13 Jun 2014 - Institut Penyelidikan & Pengurusan Halal (IHRAM) telah menerima kunjungan wakil dari Hiroshima University, Jepun iaitu Prof. Dr. Tsutomu Murinaga dan juga Dr. Novizar dari University Andalas, Indonesia.

Tujuan lawatan kerja ini adalah untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan perkhidmatan yang dijalankan oleh IHRAM yang merupakan sebuah institut yang menjalankan perkhidmatan berkaitan halal di USIM.

Pengarah IHRAM, Prof. Madya Dr. Alina Abdul Rahim telah memberi penerangan berkaitan latar belakang, hala tuju, sumbangan dalam penyelidikan, latihan, analisis serta pengurusan berkaitan halal haram yang boleh diadaptasikan dalam kalangan masyarakat dalam dan luar negara.

Selain itu, wakil dari Jepun dan Indonesia tersebut telah dibawa melawat makmal analisis IHRAM untuk diperlihatkan antara alatan dan analisis yang dijalankan di IHRAM.



HALAL MEAT PRODUCTION & MARKETING TRAINING

Nilai, 27 - 31 Januari 2014 - IHRAM telah dilantik oleh World Learning (WL) untuk memberikan latihan berkaitan *Halal Meat Production & Marketing*. WL merupakan sebuah organisasi yang berfokus kepada pembangunan, pendidikan dan pertukaran program di peringkat antarabangsa. Latihan ini telah dibiayai oleh pihak United States Agency for International Development (USAID) dan telah diadakan di Hotel Sama Sama, KLIA, Sepang.

Tujuan penganjuran latihan ini adalah untuk memberikan maklumat kepakaran dan kemahiran dalam bidang penyelenggaraan dan pemasaran daging halal. Program ini melibatkan lapan peserta dari negara Pakistan yang terdiri daripada pemilik perusahaan daging. USAID merupakan Institusi kerajaan Amerika Syarikat yang menawarkan bantuan dari segi kewangan dan juga perundingan dalam membangunkan negara dunia ketiga dan juga negara Timur Tengah.

Pengarah program, Dr. Mohd Nazmi Bin Abd Manap merangkap Timbalan Pengarah IHRAM menyatakan program latihan ini bertujuan memberi pendedahan dari segi pemahaman dan pengetahuan secara teknikal dan praktikal selain pendedahan tentang pasaran industri halal di Malaysia. Latihan ini juga melibatkan gabungan kepakaran dari industri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Makmal Veterinar dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Selain diberi pemahaman tentang teknik penyembelihan secara halal, peserta turut dibawa melawat ke beberapa tempat penyembelihan di kawasan Sepang dan Shah Alam. Mereka turut diberi pendedahan berkaitan industri perniagaan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang disampaikan oleh Pengarah MATRADE Datuk Dr Md Noor Ali. Wakil dari JAKIM juga turut dijemput untuk memberikan taklimat mengenai prosedur pensijilan Halal di Malaysia dan menerangkan tentang pengiktirafan Badan Perakuan Antarabangsa dan audit untuk pasaran dari luar Malaysia.



LAWATAN DARI SEJONG CYBER UNIVERSITY, KOREA

Nilai, 6 Februari 2014 - IHRAM telah menerima lawatan dari Department of Food Service Planning & Franchise Management, Sejong Cyber University, Korea. Lawatan tersebut telah disertai oleh dua orang pensyarah yang merupakan penyelidik di universiti tersebut dan seorang wakil dari industri makanan Sun At Food yang merupakan industri yang terkemuka di Korea.

Lawatan ini membincangkan kerjasama penyelidikan mengenai Projek *Study of Supply Chain Management (SCM) For Halal Trade*. IHRAM diwakili oleh Prof. Madya Dr. Alina Abdul Rahim bersama dua orang penyelidik bersekutu IHRAM iaitu Dr. Nurul Aini Muhamed dan Puan Norhayati Rafida Abdul Rahim. Selain itu, pihak IHRAM juga telah menjemput wakil dari UPM iaitu Dr. Nitty Hirrawaty untuk turut sama dalam perjumpaan ini bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan produk halal.

Pihak Sejong Cyber University juga telah menyediakan borang maklum balas pelanggan yang perlu diisi oleh rakyat Malaysia yang beragama Islam untuk tujuan soal selidik berkaitan dengan pemakanan halal.

IFWMI DEKATI PELAJAR MELALUI SIRI DISKUSI FIQH MUAMALAT



Nilai, 7 Mac 2014 - Selain menjadi beberapa entiti dalam industri profesional sebagai rakan industri dalam mengembangkan kepakaran dalam pengurusan harta dan kewangan Islam, Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI) juga giat melaksanakan aktiviti yang mampu memberi manfaat kepada ummah dengan menganjurkan siri diskusi Fiqh Muamalat Asas di dalam kampus dengan mensasarkan para pelajar sebagai khalayak utama dalam program ini.

Bertempat di Bilik Sumber Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Siri Diskusi Fiqh Muamalat Asas merupakan inisiatif dan kerjasama dengan Persatuan Aktuari, Fakulti Sains dan Teknologi (FST), USIM sesi akademik 2013/2014. Meskipun mensasarkan para pelajar sebagai *target audience*, siri diskusi ini juga turut mengalu-alukan penyertaan warga USIM sebagai medium bagi menambah pengetahuan dalam bidang muamalat khususnya. Di bawah program ini, pelajar khasnya, dan kakitangan akan didedahkan dan dibiasakan dengan elemen-elemen kontrak Islam dalam

muamalat dan pencerahan serta perbezaan pendapat antara ulama dalam isu-isu Muamalat.

Program yang memasuki siri ketiga ini bertujuan untuk melengkapkan warga USIM, khususnya pelajar dengan pengetahuan yang mencukupi bagi merealisasikan prinsip muamalat tertentu secara berterusan dalam persekitaran perbankan yang dinamik dan sentiasa berubah-ubah.

IFWMI ANJUR BENGKEL KAJIAN KOMPONEN

Nilai, 12 Feb 2014 - Bertempat di Bilik Persidangan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) telah diadakan satu Bengkel Kajian Komponen Nisbah Keuntungan Bagi Pembiayaan Islam dalam Konteks *True Sale Financing*.

Bengkel ini merupakan salah satu metod yang digunakan bagi kumpulan penyelidik IFWMI dalam proses kutipan dan analisis data kajian semasa yang sedang dijalankan

oleh pihak IFWMI yang menjurus kepada hala tuju pembiayaan Islam Patuh Syariah dari pandangan pengamal industri. Secara spesifiknya, bengkel ini bertujuan untuk mengenal pasti impak yang mungkin berlaku kepada komponen-komponen nisbah keuntungan bagi instrumen pembiayaan kredit Islam apabila keberpunyaan asset dalam konteks pembiayaan *true sale* diambil kira.

Selari dengan objektif Malaysia sebagai hub bagi kewangan Islam di rantau Asia, IFWMI bergiat aktif menjalankan pelbagai aktiviti mempromosi dan menyokong industri kewangan Islam di Malaysia terutama sekali dari aspek sumbangan penyelidikan dan penganjuran bengkel-bengkel yang bertemakan perbankan dan kewangan Islam.

Melalui bengkel ini, para peserta didedahkan dengan perkembangan industri kewangan Islam di peringkat dalam dan luar negara diikuti dengan perbincangan pengawasan syariah yang lebih terperinci berkenaan dengan operasi perbankan semasa, begitu juga dengan penambahan tingkat kefahaman berkenaan dengan parameter-parameter patuh syariah bagi sesuatu pembiayaan yang menggunakan kontrak-kontrak jualan dalam Islam.


Hasil dari bengkel ini dapat mengintegrasikan sumbangan ilmu dan perkongsian pengalaman antara pendidik dari Institusi Pengajian Tinggi berteraskan Islam dan industri perbankan Islam. Bengkel ini juga dapat mengenal pasti elemen-elemen baharu yang berpotensi untuk diambil kira



bagi penentuan nisbah keuntungan bagi instrumen-instrumen pembiayaan kredit Islam. Integrasi daripada kedua-dua elemen ini akan dapat menyumbang kepada hala tuju perbankan patuh syariah di samping merungkai isu-isu kontemporari yang sering dihadapi oleh pengamal-pengamal industri perbankan Islam.



Bengkel yang berlangsung selama satu hari ini telah dihadiri dari pelbagai institusi perbankan Islam antaranya CIMB Islamic, RHB Islamic Bank, Bank Muamalat Malaysia Berhad, serta Bank Al-Rajhi. Pembentangan disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Ahcene Lahsasna yang dijemput dari Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF) dan En. Abdullaah Jalil, Pensyarah di FEM.



SYARAHAN SAINS ISLAM SIRI 2 : PENYELIDIKAN BERASASKAN ILMU ISLAM



Nilai, 18 Jun 2014 - "Bidang ilmu Allah itu luas. Segala usaha kita untuk menerokai setiap cabang ilmu Allah sebenarnya akan menambahkan lagi keluasan ilmu Allah dan bukannya kita semakin hampir pada penghujungnya." Itulah kata-kata yang ditekankan oleh penceramah jemputan, Prof. Dr. Mohd. Zaidi Ismail ketika menyampaikan syarahan pada program Siri Syarahan Sains Islam Bil. 2/2014 yang bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) pada 18 Jun 2014 yang lalu. Prof. Dr. Zaidi Ismail merupakan Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Institut Kefahaman Islam (IKIM).

Siri Syarahan ini turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dato' Dr. Mustafa Mohd. Hanefah serta kakitangan-kakitangan daripada pelbagai fakulti. Syarahan yang bertajuk "Tiga Saluran Utama Ilmu dalam Islam sebagai Asas Metodologi Sainifik" ini disampaikan untuk mengupas sumber asas penyelidikan. Prof. Dr. Zaidi Ismail juga turut menerangkan teknik pemahaman sistematik untuk merancang penyelidikan supaya lebih mudah difahami dan memudahkan urusan. Beliau juga menegaskan bahawa penyelidikan merupakan sumber yang perlu ditekankan supaya segala permasalahan yang timbul dapat diselesaikan.


Perkongsian bicara ilmiah seperti ini dapat memberi *input* kepada sidang hadirin yang hadir, serta memberi gambaran kepada hadirin tentang rangka kerja Sains Islam. Siri Syarahan Ke-3 dijangka akan dianjurkan pada bulan Ogos, dan diharapkan Siri Syarahan ini mampu memberikan impak dalam usaha USIM untuk memelopori Sains Islam dan memimpin kelimuan, serta mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli.



SENARAI PRODUK PENYELIDIKAN YANG DIFAILKAN DI PERBADANAN HARTA INTELEK (MYIPO)

BIL	PRODUK	KETUA PENCIPTA	FAKULTI	JENIS IP	TARIKH FAIL	NO. RUJUKAN
1	Multiclass Shared Buffer Allocation Controller	Prof. Dr. Kamaruzzaman Seman	Fakulti Sains dan Teknologi	Paten	21/02/2013	PI2013000573
2	Sejadah BB	Noor Elkamel bin Elias	Fakulti Ekonomi dan Muamalat	Rekabentuk Industri	01/08/2013	13-01165-0101
3	Bambusia Pasta	Zulfawwaz Mohamad	Fakulti Sains dan Teknologi	Hakcipta	01/11/2013	LY2013001001
4	Horley Laksa	Mulaikah Azizan	Fakulti Sains dan Teknologi	Hakcipta	01/11/2013	LY2013000999
5	Masterpie	Mohammad Al - Nazirul Mubin Khalid	Fakulti Sains dan Teknologi	Hakcipta	01/11/2013	LY2013000997
6	eZSiber	Dr. Madihah Mohd Saudi	Fakulti Sains dan Teknologi	Hakcipta	01/11/2013	LY2013000998
7	Metodologi Tatabahasa Penjanaan dan Transformasi "Al-Tahwiliyah" Aplikasinya Dalam Ayat-Ayat Suci Al-Quran di Kalangan Para Pelajar IPTA di Malaysia	Prof. Madya Dr. Asma Abdul Rahman	Fakulti Pengajian Bahasa Utama	Hakcipta	01/11/2013	LY2013001000
8	Sistem Model Imarah Masjid (e-MIMAS)	Norman Hamdan	Fakulti Ekonomi dan Muamalat	Hakcipta	01/11/2013	LY2013001002
9	Eficient Malware Secure System (E3MSS)	Dr. Madihah Mohd Saudi	Fakulti Sains dan Teknologi	Hakcipta	06/05/2014	LY2014000528
10	Nouga Temp	Ahmad Danial Tajul Arif	Fakulti Sains dan Teknologi	Hakcipta	06/05/2014	LY2014000530
11	Panduan Rukhsah Ibadah Ketika Solat	Prof. Madya Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	Hakcipta	06/05/2014	FM2014000531
12	FARAIDSYS: iLEGACY	Dr. Mohd Fadzli Marhusin	Fakulti Sains dan Teknologi	Hakcipta	06/05/2014	LY2014000527
13	EZCERT	Dr. Madihah Mohd Saudi	Fakulti Sains dan Teknologi	hakcipta	06/05/2014	LY2014000529

BUKU TERBITAN BAHARU




Penulis: Muhammad Mustaqim Mohd Zarif
ISBN: 978-967-440-074-3
Terbitan: 2014
Jum. Halaman: 161 m/s


Buku ini membincangkan isu penting berkaitan perkembangan ilmu hadis dalam kalangan masyarakat Islam di Alam Melayu sebelum abad ke-20. Secara khasnya, pendekatan sejarah-sosial digunakan bagi merekonstruksi kronologi dan kerangka pemikiran keagamaan masyarakat Melayu berdasarkan karya hadis bertajuk Lubab al-Hadith dan ulasannya oleh dua orang ulama besar Alam Melayu abad ke-19 iaitu Syeikh Nawawi Banten dan Syeikh Wan Ali Kutan Kelantan. Buku yang julung kalinya membincangkan isu penting ini bertujuan memenuhi kelengkapan ilmu yang terdapat dalam sejarah keagamaan di Alam Melayu pada zaman pramoden dalam gaya bahasa, persembahan dan kandungan ilmiah yang mudah, ringkas dan berasaskan penyelidikan sejumlah manuskrip dan sumber langka yang berkaitan yang tersimpan di dalam dan luar negara. Pembacanya disasarkan daripada kalangan khalayak umum, ilmuwan, pelajar dan sesiapa sahaja yang berminat dan ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai sejarah perkembangan ilmu hadis di Alam Melayu dengan lebih mendalam. Diharapkan buku ini dapat dikongsi dan dimanfaatkan oleh masyarakat dengan sebaik-baiknya demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Penulis: Mohammad Nooruzuddin Nooh | Muhammad Ridhwan Ab. Aziz
ISBN: 978-967-0393-72-8
Terbitan: 2014
Jum. Halaman: 112 m/s

This book gives an overall insight for those who have interest in the field of Islamic financial services. This book answers some of the questions that are often asked regarding this field: Are Islamic financial product and services similar to those that are being offered by the conventional financial institutions? How Muslim society can participate extensively in this field? Do Islamic financial product and services provide better alternatives for Muslims to manage their financial needs? This book helps to provide clearer understanding on the issues pertaining Islamic financial product and services. It is suitable as a reference for students, practitioners and those who wanted to learn more on these issues.



Penulis: Farah Salwani Muda @ Ismail
ISBN: 978-967-440-080-4
Terbitan: 2014
Jum. Halaman: 202 m/s



Human organs are the most valuable gifts of life. Until today, through organ transplantation, thousands of lives have been saved and many more blessed with hope and happiness through a better quality of living. However, rapid developments in transplant technology will be meaningless if supply of the needed organs remains scarce and organ transplantation procedures cannot take place accordingly. This global problem of organ shortage is also faced by Malaysia. Despite campaigns and initiatives introduced by the Malaysian authorities, the problem remains unresolved and the situation is worsening. Malaysia is reported to have less than one donor for every one thousand of the population (Lela Yasmin Mansor, 2007). However, statistics from the National Transplant Registry Malaysia confirm a constant, steady increase in the number of registered potential donors each year. This suggests that there are certain factors preventing potential donors from becoming actual donors. Therefore, this book will focus on the organ shortage crisis in Malaysia, highlight underlying factors causing it, while scrutinising legal and social factors resulting to relatively small actual donations eventually taking place, despite the rising number of potential donors registering each year. The book elaborates on practical solutions to help solve this crisis, particularly by utilising brain-dead patients from serious road traffic accidents as a potential source of cadaveric organs.